

# Hargai biodiversiti demi kehidupan

**“K**ITA makan setiap hari untuk membolehkan kita hidup, yang kita makan itu adalah biodiversiti.

“Kita perlu minum untuk hidup dan sumber air kita dikawal oleh tumbuhan dalam hutan yang memastikan aras air bawah tanah dan curah hujan cukup untuk mengairi sungai-sungai kita. Kita perlu oksigen dan tumbuhan jugalah yang menyediakan oksigen itu.”

Demikian kata-kata Timbalan Naib Canselor, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), **Prof. Dr. Wahid Razzaly** semasa merasmikan Festival Biodiversiti 2016 (BioDFest 2016) di kampus universiti berkenaan di Batu Pahat, Johor baru-baru ini.

Berkongsi lebih lanjut, beliau berkata, orang ramai wajar menghargai anugerah Tuhan itu, menghayati kepentingannya, memastikan kesejahteraan alam dan kemandirian manusia.

Dr. Wahid berkata, bakteria, virus yang tidak nampak dengan mata kasar adalah biodiversiti, kulat, tumbuhan, haiwan juga biodiversiti.

Malah katanya, manusia dan semua benda hidup yang dicipta Allah terdapat dalam berbagai-bagai bentuk dan itu adalah biodiversiti.

“Hari ini dicatatkan sebanyak 1.8 juta biodiversiti yang telah mempunyai nama tetapi berjuta-juta lagi yang menanti untuk ditemukan dan diberikan nama.

“Tentunya biodiversiti yang dicipta Allah sejak 3.5 bilion tahun dulu sebagai persiapan ketibaan manusia 350,000 tahun yang lalu.

**PELAJAR** siswazah Pusat Penyelidikan SUNR, UTHM menerangkan mengenai spesimen haiwan kepada pengunjung semasa pameran BioDFest 2016.



**DR. WAHID RAZALLY** (dua dari kiri) bersama **Dr. Maryati Mohamad**, **Dr. Abd. Latif Mohmod** dan **Dr. Richard Chung Cheng Kong** pada majlis menandatangani MoU antara UTHM dan FRIM di Batu Pahat baru-baru ini.



**DR. WAHID RAZALLY**

“Semuanya mempunyai sebab dan fungsi tersendiri yang sebahagian besarnya belum dikaji dan diketahui manusia,” ujarnya lagi.

Program BioDFest 2016 dianjurkan Pusat Penyelidikan bagi Pemuliharaan dan Penggunaan

Mapan Sumber-sumber Semula Jadi (SUNR) dan Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan (FSTPI) universiti berkenaan.

Yang turut hadir pada majlis perasmian itu adalah Pendaftar UTHM, Abdul Halim Abdul Rahman; Penolong Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Abdul Razak Omar; Dekan Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan, Prof. Madya Dr. Mohd. Kamarulzaki Mustafa; Ketua SUNR, Prof. Datin Dr. Maryati Mohamad dan Pengerusi MNS Cawangan Johor, Vincent Chow.

Matlamat utama program tersebut adalah untuk mempromosi pemuliharaan biodiversiti bukan sahaja kepada komuniti di UTHM bahkan juga kepada masyarakat.

Justeru, segala aktiviti yang dijalankan memberi penekanan mengenai fungsi dan kegunaan biodiversiti dalam kehidupan seharian.

Program tersebut dihadiri wakil dari pelbagai agensi seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Persatuan Pencinta Alam Cawangan Johor (MNS-Johor), Persatuan Pemuliharaan Hidupan Liar (WCS) dan penduduk Kampung Parit Jelutong dan mahasiswa UTHM.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Momod menyampaikan

ucaptama berkenaan biodiversiti manakala penyelidik FRIM menyampaikan ceramah mengenai herba serta kepentingan penanamannya kepada penduduk kampung, pelajar serta staf UTHM.

Acara lain termasuklah antaranya menandatangani pelanjutan memorandum kesefahaman (MoU) antara UTHM dan FRIM.

MOU yang ditandatangani adalah berkaitan dengan kerjasama dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan pada 2015 dilanjutkan hingga ke tahun 2021.

- LAUPA JUNUS

## Festival Biodiversiti 2016 (BioDFest 2016)

● Anjuran bersama Pusat Penyelidikan bagi Pemuliharaan dan Penggunaan Mapan Sumber-sumber Semula Jadi (SUNR) dan Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan UTHM.

● Tema: Mengarusperdanakan Biodiversiti: Melestarikan Masyarakat dan Kehidupan



FRIM turut tidak ketinggalan menyertai pameran dan mempromosikan produk.

## Pelbagai aktiviti serikan festival

**D**ALAM pada itu Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar yang disegani masyarakat di negara ini menyerahkan sepucuk Surat Niat yang diharapkan akan disusul oleh satu memorandum persefahaman (MoU) dalam waktu yang terdekat kepada SUNR.

Kedua-dua pihak yang masing-masing mempunyai hasrat yang sama ke arah meningkatkan kesedaran dan pendidikan tentang biodiversiti dan pemuliharaannya.

Penganjuran BioDFest itu juga adalah anjuran bersama gabungan staf dan pelajar FSTPI dengan pascasiswazah serta penyelidik SUNR. Sempena BioDFest

kali ni juga, majlis penyampaian sumbangan berjumlah RM5,000 daripada MNS kepada Pusat Penyelidikan SUNR juga diadakan, selain program ceramah oleh Ketua Program Pembangunan Produk FRIM, Dr. Norazah Mohamad.

Acara lain termasuklah antaranya Run Tiger Run pembasmian spesies invasif, demonstrasi baja kompos, pameran poster dan spesimen pertandingan beg bim serta program promosi kesedaran biodiversiti kepada pelajar sekolah.

Turut diadakan ceramah konservasi oleh penyelidik WCS, Yugees Anandarawo selain gerai jualan yang sebahagiannya turut menjual pelbagai produk berasaskan penyelidikan UTHM dan gerai usahawan luar serta pelajar.



PELAJAR pascasiswazah bawah Pusat Penyelidikan SUNR menunjukkan demonstrasi pembuatan baja kompos kepada pengunjung pameran di BioDFest 2016 di Dataran Anggerik UTHM, baru-baru ini.

PELBAGAI rekaan beg bim yang menarik oleh pelajar yang menyertai pertandingan beg bim untuk menunjukkan apresiasi dan ekspresimen dalam mereka terhadap biodiversiti dan pemuliharaan.